

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JUN 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 4
SURAT

Rafizi persoal isu rombak RMK 13 saat akhir

4

NASIONAL

SINAR HARIAN • SABTU 28 JUN 2025

Sinar
Harian

TELUS & TULUS • MATA DAN TEUANGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Rafizi persoal isu rombak RMK13 saat akhir

SHAH ALAM - Bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli mempersoalkan isu 'merombak semula drat Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)' yang hanya tampil di saat akhir sedangkan tidak pernah dibangkitkan sepanjang bellai dan Kementerian Ekonomi membentangkan intipati dasar itu.

Rafizi berkata, pihaknya khustir sekiranya kerajaan bersikap reaktif kerana ada beberapa ciplan basas kepada Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadil mengenai RMK13 beberapa hari kebelakangan ini.

Menurutnya, terdapat netizen membincangkan mengenai RMK13 dan membela ulasan Fahmi yang di-

lihat cuba memadamkan terus penglibatannya dalam penyediaan RMK13.

"Kenyataan untuk 'merombak semula dan mengolah' RMK13 sudah tentu mengundang kebimbangan (dalam kalangan penjawat awam, pengarang pasaran yang memantau dasar negara dan rakyat keseluruhannya).

"Adakah ini bermakna rombak semula akan dijalankan pada segera tengah-gesa kerana tidak mungkin untuk berjaya semula kepada Inter Agency Planning Group (IAPG), Technical Working Group TWG



RAFIZI

dan pakar-pakar?

"Kenapa isu 'merombak semula drat RMK13' ini tampil di saat akhir, RMK13 adalah dokumen penting untuk negara yang dibangun oleh ribuan rakyat dari segenap lapisan masyarakat," ujarnya dalam satu kenyataan pada Jumat.

Sebelumnya, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar mengeluarkan kenyataan bahawa

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan akan mengetuai usaha rombak semula tersebut.

Menurut Rafizi, tindakan mengheret RMK13 menjadi polemik politik akan melunturkan keyakinan rakyat kepada dokumen akhir dasar itu.

"Jika ini berlaku, ia satu ketidak-adilan besar kepada mereka yang ber tungku lumus bekerja berbelas jam sehari sejak setahun lepas."

"RMK13 bukan sekadar dokumen perancangan biasa, tetapi dasar lima tahun negara yang menjadi rujukan utama merentas pentadbiran kerajaan, kecuali dipinda melalui Parlimen.

"Penyediaan RMK13 dibuat melalui proses 'bottom-up' dan 'top-down', yang melibatkan input pelbagai pihak," jelas beliau.

Amir Hamzah galas tugas Menteri Ekonomi

Tugas utama beliau adalah rombak semula RMK13 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai ini

SHAH ALAM

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, dilantik menjalankan tugas dan fungsi Menteri Ekonomi berkuat kuasa serta-merta.

Ketua Setiausaha

AMIR HAMZAH



Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, perkara tersebut dipersempit Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dimaklumkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada Rabu.

"Perdana Menteri telah memahukan Jemaah Menteri yang bersidang pada 25 Jun 2025 bahawa beliau bersama-sama Amir Hamzah menjalankan tugas dan fungsi Menteri Ekonomi berkuat kuasa serta-merta," katanya dalam kenyataan.

Perdana Menteri, Ahli Parliment Pandan, Datuk Seri Rafizi Ramli mengumumkan peletakan jawatan sebagai Menteri Ekonomi pada 27 Mei lalu.

Shamsul Azri berkata, tugas utama Amir Hamzah sebagai Menteri Ekonomi adalah untuk mengolah dan merombak semula intipati naskhah Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) agar selari dengan aspirasi Malaysia sebagai negara maju berterasakan rakyat.

Menurutnya, Amir Hamzah juga perlu memastikan dokumentasi dasar lima tahun yang dijadui dibentang pada 31 Julai ini merupakan kawawa keimbangan pembangunan antara wilayah dan meningkatkan ketidaksamaan antara rakyat.

"Proses itu mengambil kira maklumat tambahan yang dikemukakan oleh kementerian, pandangan dan ulasan yang diberikan oleh Jemaah Menteri," ujarnya.

Sementara itu, Kementerian Ekonomi yakini Amir Hamzah mampu menerajui portfolio baharu yang disandangnya dengan lebih mantap, berupaya memperkuatkannya data tahan ekonomi negara dan memastikan pertumbuhan seimbang dan adil bersebandaran pengalaman luas dimiliki beliau.

Kementerian berkenaan dalam kenyataan di Facebook menyambut baik kehadiran Menteri Kewangan II itu dengan pernuh hormat dan kesyukuran selring dengan peranan yang diglas beraslu dalam melaksanakan tugas dan fungsi Menteri Ekonomi.

Kementerian Ekonomi turut memaklumkan, Amir Hamzah memulakan tugas yang baharu di sandangnya dengan menjadikan sesi perjumpaan bersama pengurusan tertinggi kementerian itu pada Jumaat.

Menurut Mustazar, kelebihan Amir Hamzah terletak pada latar belakang korporatnya yang luas melibatkan KWSP,

Cabarani besar menanti Amir Hamzah

SHAH ALAM - Datuk Seri Amir Hamzah Azizan menggalas tanggungjawab besar selepas dilantik untuk menjalankan tugas Menteri Ekonomi, dalam meneruskan agenda pemuliharaan dan pertumbuhan ekonomi negara, terutama menjelang pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr Mustazar Mansuri berkata, antara cabaran utama yang menantinya ialah mengolah dan merombak semula intipati naskhah RMK13 agar selari dengan aspirasi Malaysia sebagai negara maju berterasakan rakyat.

Menurutnya, Amir Hamzah juga perlu memastikan dokumentasi dasar lima tahun yang dijadui dibentang pada 31 Julai ini merupakan kawawa keimbangan pembangunan antara wilayah dan meningkatkan ketidaksamaan antara rakyat.

"Kita bimbang apabila negara semakin maju, ada kelompok yang terlepas pandang. RMK13 ini mestilah menyentuh golongan B40, M40 dan kawasan yang selama ini ketinggalan."

"Jadi, beliau perlu pastikan tidak wujud jurang yang lebih besar antara yang kaya dan miskin," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tentang Amir Hamzah yang juga Menteri Kewangan II, dilantik menjalankan tugas dan fungsi Menteri Ekonomi berkuat kuasa serta-merta.

Menurut Mustazar, kelebihan Amir Hamzah terletak pada latar belakang korporatnya yang luas melibatkan KWSP,

TNB, Shell, MISC, Petronas dan pelbagai lagi, membekali beliau memahami keperluan rakyat dan ekonomi negara secara menyeluruh.

"Antara cabaran ketara yang perlu diberi perhatian ialah impak ketidakstabilan geopolitik dunia terhadap harga minyak mentah global yang boleh menyebabkan peningkatan subsidi di domestik dan menekan kewangan kerajaan."

"Walaupun negara mendapat hasil daripada eksport minyak, kita masih tanggung subsidi seperti bahan api dan elektrik. Dalam keadaan fiskal semasa, ini suatu tekanan besar kepada kerajaan."

"Sebab itu pelaksanaan subsidi besar-besaran, bantuan tunai dan program seperti Juulan Rahmah perlu diteruskan. Ini pendekatan langsung bantu rakyat dalam situasi kos sara hidup tinggi," ujarnya.

Mustazar berkata, latar belakang Amir Hamzah sebagai teladan dan bukan politik memberi kelebihan kerana beliau tidak terikat dengan tekanan politik dan bukan memberi tumpuan sepenuhnya kepada pelaksanaan dasar.

"Saya bukan kata (Datuk Seri) Rafizi (Rami) tidak bagus, tetapi saya lihat faktor politik banyak jejaskan beliau. Amir Hamzah datang dengan kelebihan neutraliti padilah dan tumpuan penuh kepada ekonomi. Ini penting dalam situasi sekarang," ujarnya.

Beliau berkata, sesi ibat urus menyeluruh perlu dilakukan menjelang pembentangan RMK13 bagi memastikan semua pemegang taruh, daripada rakyat 'marhaen' hingga syarikat besar dan kerajaan negeri dapat menyuarakan pandangan dan keperluan masing-masing.

